

Siapa lagi tembak MH17?

Peguam bela suspek menyatakan pendakwa raya gagal bukti peluru berpandu buatan Rusia tembak jatuh pesawat Malaysia Airlines

THE HAGUE

Peguam bela Belanda yang mewakili suspek didakwa menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines MH17 menyatakan pendakwa raya gagal membuktikan sebuah peluru berpandu buatan Rusia menembak penumpang itu ketika menggulung kes tersebut pada Khamis.

Pesawat itu ditembak jatuh ketika dalam penerbangan ke Kuala Lumpur dari Amsterdam pada 17 Julai 2014, mengorbankan kesemua 298 penumpang dan anak kapalnya, ketika tentera Kiev menentang pemisah pro-Rusia di timur Ukraine yang dilanda perang.

Perbicaraan terhadap empat suspek lelaki yang bermula pada Mac 2020, menarik perhatian sejak pencerobohan Rusia di Ukraine pada Februari lalu, ketika banyak jenayah perang baru di-



Hakim Hendrik Steenhuis (tengah) menghadiri prosiding jenayah berhubung pesawat MH17 di Kompleks Kehakiman Schiphol di Badhoevedorp, Belanda. - AFP

dakwa berlaku.

"Bagi membuat kesimpulan, pihak pendakwaan gagal membuktikan daripada perbualan (mudah alih), gambar dan kenyataan saksi bahawa peluru berpandu menembak jatuh MH17.

"Walaupun peluru berpandu dilancarkan, ia tidak dapat membuktikan secara konklusif peluru itu mengenai MH17," kata Sabine Ten Doesschate, yang mewakili suspek Oleg Pulatov.

Pada Disember lalu, pendakwa raya menggesa hukuman penjara seumur hidup terhadap empat lelaki didakwa terbabit, iaitu warga negara Rusia, Pulatov, Igor Girkin, Sergei Dubinsky serta seorang warga negara Ukraine, Leonid Kharchenko.

Difahamkan hanya Pulatov yang mempunyai peguam bela dan tiada seorang pun daripada suspek lain yang hadir di mahkamah. - AFP